

## Penubuhan Unit Penyelidikan Air WRU

Penubuhan Unit Penyelidikan Air (WRU) telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti sempena Mesyuarat Senat Bil.3/2010 pada 4 Mei 2010. Pada awalnya, cadangan nama unit yang semasa Mesyuarat Eksekutif Sekolah Bil. 2/2009 adalah Unit Penyelidikan Air dan Alam Sekitar (AIRAS), tetapi setelah mempertimbangkan fungsi unit yang lebih khusus tentang penyelidikan air maka nama tersebut telah ditukar kepada Unit Penyelidikan Air (WRU). Ahli Jawatankuasa Penubuhan Unit adalah terdiri daripada kakitangan akademik Universiti yang mempunyai kepakaran yang berkaitan dalam bidang penyelidikan air dan dipengerusikan oleh Dekan SST, Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah. Halatuju unit adalah untuk mengembangkan penyelidikan dan pengurusan yang mampan berkaitan dengan air terutamanya dalam



bidang - bidang niche area yang berpotensi untuk diterokai sesuai dengan persekitaran yang terdapat di Pulau Borneo khususnya di Sabah. Sehubungan itu, Unit Penyelidikan Air ini akan berpusat di Sekolah Sains dan Teknologi dan mengambil alih ruang pejabat dan makmal yang dahulunya dikongsi bersama dengan Institut Penyelidikan Bioteknologi.